


Headline	TAMATKAN PENULARAN AIDS		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	24 Jul 2017	Color	Full Color
Section	Bestari	Circulation	179,231
Page No	22	Readership	537,693
Language	Malay	ArticleSize	690 cm ²
Journalist	Nor Faizah Mohamed	AdValue	RM 27,078
Frequency	Daily	PR Value	RM 81,234



TAMATKAN PENULARAN AIDS

Sebanyak 111,916 kes jangkitan HIV direkodkan di Malaysia mulai kes pertama dilaporkan pada 1986 sehingga tahun lalu

Nor Faizah Mohamed
wanitametro@
hmetro.com.my

Apalah gunanya usaha dan kempen andai tiada sokongan bantuan khususnya membabitkan kewangan. Kebanyakannya sukar direalisasikan jika tiada sokongan padu daripada badan korporat yang lazimnya menyumbang sejumlah dana bagi mengembangkan lagi capaian satu-satu kempen itu kepada masyarakat.

Atas kesedaran itu membuatkan GlaxoSmithKline Pharmaceutical Sdn Bhd (GSK Malaysia) tampil membantu Yayasan AIDS Malaysia (MAF) menerusi sumbangan RM1.25 juta, baru-baru ini.

Sumbangan itu bakal digunakan bagi menggerakkan tiga program impak tinggi AIDS yang berlangsung selama tiga tahun. Ia dimulai dengan Tabung Yayasan AIDS Pediatrik Malaysia yang menyalurkan elaun bulanan RM100 untuk 100 kanak-kanak kurang bernasib baik yang hidup atau dilahirkan dalam keluarga HIV dengan pendapatan isi rumah di bawah RM2,000.

Dimulakan pada 2008, skim ini menyasarkan bantuan kepada keluarga yang kurang bernasib baik sebelum dihentikan pada 2015 berikutan kekangan kewangan.

Elaun ini membantu keluarga terbabit mendapatkan keperluan

harian seperti makanan, barangan rumah dan rawatan HIV. Dana itu disalurkan menerusi sistem pengagihan tanpa tunai yang disediakan Yayasan MyKasih, rakan kongsi masyarakat Dana AIDS Pediatrik di bawah Yayasan AIDS Malaysia.

Konsortium Perniagaan Malaysia mengenai HIV dan AIDS, program kedua dalam usaha sama GSK Malaysia-MAF ini menjadi platform bagi mereka yang terbabit dalam dunia perniagaan untuk berkongsi maklumat mengenai penyakit itu.

Ia juga bertindak sebagai repositori untuk

pengumpulan sumber HIV dan AIDS. Ia menawarkan panduan kepada perniagaan di Malaysia mengenai pembangunan dasar HIV dan AIDS di tempat kerja, selain bertujuan menghapuskan sikap atau amalan yang menimbulkan stigma serta diskriminasi terhadap pekerja yang hidup dengan HIV.

Garis panduan ini turut disertakan dalam 'Kod Amalan Pencegahan serta Pengurusan HIV dan AIDS di Tempat Kerja' yang dibangunkan Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Malaysia.

Program ketiga pula menyasarkan untuk kemudahan mendapatkan perkhidmatan rawatan HIV secara saksama menerusi inisiatif yang dikenali sebagai 'Kesedaran dan Pendidikan HIV untuk Profesional Penjagaan

Kesihatan.

Ia bertujuan meningkatkan pengetahuan, kepakaran serta kemahiran pakar perubatan primer dalam pengurusan klinikal HIV dan AIDS menerusi penganjuran bengkel, kursus pembelajaran dalam talian, juga konsultasi atas permintaan.

"Kami tidak hanya mengambil kira kepentingannya dalam

komuniti, tambahan pula dengan sejarah panjang kami dalam bidang penyakit berjangkit ini, malah bagaimana ia berupaya memberi impak sebagai penggerak masyarakat terhadap pencegahan serta kawalan ke atas HIV dan AIDS.

"Seiring komitmen kami dalam meningkatkan tahap kesihatan untuk semua, kami berharap usaha sama dengan MAF ini dapat meningkatkan dan memperkasakan lagi komuniti di setiap sektor, dengan matlamat menamatkan penularan AIDS menjelang 2030," ujar Naib Presiden Pengurus Besar GSK Pharmaceutical Sdn Bhd, Ramil Burden.

Pengerus MAF, Profesor Datuk Dr Adeeba Kamarulzaman berkata, masih ramai yang hidup dengan HIV berdepan halangan menjalani aktiviti harian berikutan stigma yang masih menebal dalam masyarakat.

"Walaupun maklum balas yang diterima

Headline	TAMATKAN PENULARAN AIDS		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	24 Jul 2017	Color	Full Color
Section	Bestari	Circulation	179,231
Page No	22	Readership	537,693
Language	Malay	ArticleSize	690 cm ²
Journalist	Nor Faizah Mohamed	AdValue	RM 27,078
Frequency	Daily	PR Value	RM 81,234

memberangsangkan terutama di peringkat kebangsaan, selain hampir 40 peratus pengurangan jangkitan HIV sejak sedekad lalu, ramai yang hidup dengan HIV berdepan kesukaran melakukan aktiviti harian disebabkan diskriminasi, sekali gus membuatkan mereka hidup dalam

ketakutan.

“Dalam usaha berterusan kami untuk meningkatkan kualiti kehidupan mereka, kami terus menumpukan kerjasama dengan sektor penjagaan kesihatan dan perniagaan - dua sektor utama yang mempunyai kesan signifikan terhadap kesihatan serta sosial berkaitan HIV,” katanya.

Sebanyak 111,916 kes jangkitan HIV direkodkan di Malaysia mulai kes pertama yang dilaporkan pada 1986 sehingga tahun lalu, di mana 1,131 adalah kanak-kanak di bawah usia 13 tahun. Kadar terkini di peringkat kebangsaan mencatatkan 11 kes bagi setiap 100,000 penduduk.

INFO

Stigma terhadap pembawa HIV dan penghidap AIDS masih berlaku kerana:

- HIV dan AIDS sering dikaitkan dengan kematian
- HIV dikaitkan dengan perlakuan seseorang yang melanggar norma kehidupan (seks rambang, dadah, pekerja seks dan kecurangan)
- Masih ada yang percaya HIV hanya berjangkit melalui hubungan seks
- HIV adalah jangkitan disebabkan tingkah laku tidak bermoral
- HIV dan AIDS dilihat sebagai 'hukuman setimpal' dengan kesalahan penghidapnya
- Salah anggap kerana tidak mendapat maklumat

tepat mengenai HIV dan AIDS

Kesan yang dialami individu HIV dan pesakit AIDS akibat stigma:

- Hilang pekerjaan dan terjejas kualiti hidup
- Ditinggalkan pasangan
- Terlepas peluang mempunyai anak
- Tidak mendapat penjagaan kesihatan yang sewajarnya kerana malu diketahui masyarakat
- Rasa rendah diri
- Rasa diri tidak berguna
- Reputasi diri terjejas



DR Adeeba (kiri) menerima sumbangan RM1.25 juta untuk menggerakkan tiga program AIDS berimpak tinggi sehingga 2020.

Headline	TAMATKAN PENULARAN AIDS		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	24 Jul 2017	Color	Full Color
Section	Bestari	Circulation	179,231
Page No	22	Readership	537,693
Language	Malay	ArticleSize	690 cm ²
Journalist	Nor Faizah Mohamed	AdValue	RM 27,078
Frequency	Daily	PR Value	RM 81,234

